



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 58

29hb September 2005

No. 20

---

AKTA EKSAIS 1976

EXCISE ACT 1976

**No. 1057.**

PELANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA PELESENAN

APPOINTMENT OF MEMBERS OF THE LICENSING BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 Akta Eksais 1976 [*Act 176*], yang telah diwakilkan oleh Menteri kepada Menteri Besar Perak Darul Ridzuan melalui pemberitahuan yang disiarkan sebagai P.U.(B) 353 bertarikh 2 Jun 1977, saya, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan, melantik orang yang dinamakan dalam Jadual menjadi ahli-ahli Lembaga Pelesenan bagi Daerah Hulu Perak bagi tempoh 3 tahun mulai dari 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2007.

In exercise of the powers conferred by section 31 of the Excise Act 1976 [*Act 176*], which had been delegated by the Minister to the Menteri Besar of Perak Darul Ridzuan *vide* notification published as P.U.(B) 353 dated 2 June 1977, I, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan, appoint the persons named in the Schedule to be members of the Licensing Board for the District of Hulu Perak for a period of 3 years with effect from 1 January 2005 until 31 December 2007.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1132

[29hb Sept. 2005]

## JADUAL/SCHEDEULE

Pegawai Daerah Hulu Perak	Pengerusi/Chairman
Ketua Penolong Pegawai Daerah Pengkalan Hulu	Naib Pengerusi/ Vice Chairman
Ketua Penolong Pegawai Daerah Lenggong	Ahli/Member
Dr. N. Venkataslu	Ahli/Member
Choong Sen Liang	Ahli/Member
Adnan bin Che Su	Ahli/Member

Bertarikh 2 September 2005

Dated 2 September 2005

[PSUK.Pk.(BPK) 1A 355/951/10 Jld. 2(29);  
PU.Pk. 53/99]

DATO' SERI DIRAJA MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI  
*Menteri Besar*  
*Perak*

## MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN (EKSAIS) DAERAH KUALA KANGSAR

### No. 1058.

Dengan ini adalah diberitahu Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Kuala Kangsar akan mengadakan persidangannya di Bilik Mesyuarat, Tingkat 1, Pejabat Tanah Kuala Kangsar pada hari Rabu, 16 November 2005, jam 9.00 pagi bagi menimbangkan permohonan-permohonan seperti berikut:

- (a) Permohonan membaharui Lesen Menjual Minuman Keras Runcit/Borong bagi tempoh 1 Januari 2006 hingga 30 Jun 2006;
- (b) Permohonan menukar nama Lesen Menjual Minuman Keras Runcit/Borong/Rumah Awam bagi tempoh 1 Januari 2006 hingga 30 Jun 2006;
- (c) Permohonan menukar alamat kedai Menjual Minuman Keras Runcit/Borong Rumah Awam bagi tempoh 1 Januari 2006 hingga 30 Jun 2006;
- (d) Permohonan membaharui Lesen Rumah Awam bagi tempoh 1 Januari 2006 hingga 30 Jun 2006;

- (e) Permohonan baru Lesen Menual Minuman Keras Runcit/Borong bagi tempoh 1 Januari 2006 hingga 30 Jun 2006;
  - (f) Permohonan baru Lesen Rumah Awam bagi tempoh 1 Januari 2006 hingga 30 Jun 2006.
2. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh didapati dari pejabat ini dalam enam (6) salinan dan kemukakan kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Kuala Kangsar pada atau sebelum 17 Oktober 2005.
3. Semua permohonan lesen baru hendaklah menyertakan enam (6) salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah. Pemohon juga dikehendaki mengiklankan permohonannya di dalam 2 jenis surat khabar berbahasa Malaysia dan Inggeris dengan perbelanjaan sendiri serta salinan iklan itu diletakkan (pamer) di hadapan pintu perniagaannya dalam 2 minggu dari tarikh iklannya.
4. Mana-mana bantahan terhadap permohonan lesen baru hendaklah disampaikan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Kuala Kangsar dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengiklanan.

Bertarikh 13 September 2005

[PDKK. 01-2-001 Jld. 15]

HAJI MOHD. GAZALI BIN JALAL

*Pengerusi*

*Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah  
Kuala Kangsar*

### KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

### NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 1059.**

PERIZABAN-PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subseksyen 62(1)]

RESERVATIONS OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

[Subsection 62(1)]

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Kg. Tersusun Jalan Bukit Jana, Mukim Kamunting, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk surau dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1134

[29hb Sept. 2005]

### JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Kamunting. No. Pelan—P.A. 83746. No. Lot—5325. Luas—3251 meter persegi.

Bertarikh 25 Ogos 2005  
[PTG.Pk. 242/6-35(C); PTLM 370/12/92/05;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 4]

HASIM BIN HASAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Kg. Tersusun Jalan Bukit Jana, Mukim of Kamunting, District of Larut, Matang dan Selama for a public purpose, to wit, a site for surau and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

### SCHEDULE

District—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Kamunting. Plan No.—P.A. 83746. Lot No.—5325. Area—3251 square metres.

Dated 25 August 2005  
[PTG.Pk. 242/6-35(C); PTLM 370/12/92/05;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 4]

HASIM BIN HASAN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

### No. 1060.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Keramat Indah, Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

## JADUAL

Daerah—Kerian. Mukim—Bagan Serai. No. Pelan—P.W. 1686. No. Lot—11998.  
Luas—653 meter persegi.

Bertarikh 25 Ogos 2005  
[PTG.Pk. 513/6-18(C); PTK(D) 02:25/2000;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 4]

HASIM BIN HASAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Keramat Indah, Mukim of Bagan Serai, District of Kerian described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan and has designated that the Pesuruhjaya Tanah Persekutuan shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

## SCHEDULE

District—Kerian. Mukim—Bagan Serai. Plan No.—P.W. 1686. Lot No.—11998.  
Area—653 square metres.

Dated 25 August 2005  
[PTG.Pk. 513/6-18(C); PTK(D) 02:25/2000;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 4]

HASIM BIN HASAN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

**No. 1061.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Mahsuri, Mukim Selinsing, Daerah Kerian yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1136

[29hb Sept. 2005]

---

### JADUAL

Daerah—Kerian. Mukim—Selinsing. No. Pelan—P.W. 1688. No. Lot—4284.  
Luas—611 meter persegi.

Bertarikh 25 Ogos 2005  
[PTG.Pk. 513/6-17(C); PTK(D) 02:25/2000;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 4]

HASIM BIN HASAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Mahsuri, Mukim of Selinsing, District of Kerian described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan and has designated that the Pesuruhjaya Tanah Persekutuan shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

### SCHEDULE

District—Kerian. Mukim—Selinsing. Plan No.—P.W. 1688. Lot No.—4284.  
Area—611 square metres.

Dated 25 August 2005  
[PTG.Pk. 513/6-17(C); PTK(D) 02:25/2000;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 4]

HASIM BIN HASAN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

### No. 1062.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Jalan Istana, Bandar Taiping, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tempat letak kereta dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Taiping.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

29hb Sept. 2005]

1137

### JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Bandar Taiping. No. Pelan—P.A. 82808. No. Lot—331. Luas—1 ekar 27 pol.

Bertarikh 25 Ogos 2005  
[PTG.Pk. 242/15-22(C); PTLM 370/3/90/10;  
PU.Pk. 67/71-54]

HASIM BIN HASAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Jalan Istana, Bandar Taiping, District of Larut, Matang dan Selama for a public purpose, to wit, a site for a car park and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Perbandaran Taiping.

### SCHEDELE

District—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Bandar Taiping. Plan No.—P.A. 82808. Lot No.—331. Area—1 acre 27 pole.

Dated 25 August 2005  
[PTG.Pk. 242/15-22(C); PTLM 370/3/90/10;  
PU.Pk. 67/71-54]

HASIM BIN HASAN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

### No. 1063.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS MENYATAKAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
SURATAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN HAKMILIK YANG  
DIKELUARKAN YANG BAHARU BAGI MENGGANTIKANNYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik asal diakui hilang oleh Tetuan Noraini-Asikin & Associates, 32B, Medan Istana 1, Bandar Ipoh Raya, 30000 Ipoh.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1138

[29hb Sept. 2005]

### JADUAL

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—26676. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1088. Luas—0.7512 hektar. Tuan Punya—Sharijad binti Md. Nuri.

Bertarikh 25 Ogos 2005

[PTK.(I) 7/1/2005 SJ. 43]

NASD RAHAYU BINTI ABDUL RAHIM

*b.p. Pentadbir Tanah Kinta*

*Ipoh*

### No. 1064.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Hakmilik asal diakui hilang oleh Mohd. Noor bin Mohamed, Lot 168405, RPT Menglembu, Regat Menglembu Timur 3, 31450 Ipoh.

### JADUAL

Mukim—Hulu Kinta. No. P.T.—168405. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 14069. Luas—292.6 meter persegi. Tuan Punya—Mohd. Noor bin Mohaamed.

Bertarikh 19 Ogos 2005

[PTK.(I) 7/1/2005 SJ. 45]

NASD RAHAYU BINTI ABDUL RAHIM

*b.p. Pentadbir Tanah Kinta*

*Ipoh*

### No. 1065.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang dalam simpanan oleh Yeong Chong Sen yang beralamat No. 33, Persiaran Green Hill, 30450 Ipoh.

### JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Sungkai. No. P.T.—6927. Jenis dan No. Hakmilik—S 74/77. Luas—1353 kaki persegi.

Bertarikh 30 Ogos 2005

[PTBP(D) 11/1951]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL

*b.p. Pentadbir Tanah*

*Batang Padang, Tapah*

**No. 1066.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang dalam simpanan oleh Chin On Fatt yang beralamat No. 19, Jalan Besar, Temoh Stesen, 35350 Temoh.

## JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Chenderiang. No. Lot—7034. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 150/78. Luas—1.2363 hektar.

Bertarikh 30 Ogos 2005  
[PTBP(D) 11/1953]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL

*b.p. Pentadbir Tanah*

*Batang Padang, Tapah*

**No. 1067.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang dalam simpanan oleh Rajoo a/l Marimuthu yang beralamat TR 7, Kampung Batu 3, Jalan Temoh, 35350 Temoh.

## JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Chenderiang. No. P.T.—1350. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 2384. Luas—4500 kaki persegi.

Bertarikh 30 Ogos 2005  
[PTBP(D) 11/1954]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL

*b.p. Pentadbir Tanah*

*Batang Padang, Tapah*

**No. 1068.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang dalam simpanan oleh Fatimah Bee binti Sidin yang beralamat No. 22, Kg. Kuala Gepai, 35500 Bidor.

## JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Bidor. No. Lot—272. Jenis dan No. Hakmilik—E.M.R. 346 (G.M. 868). Luas—3642 hektar.

Bertarikh 13 September 2005

[PTBP(D) 11/1955]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL

*b.p. Pentadbir Tanah*

*Batang Padang, Tapah*

**No. 1069.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang dalam simpanan oleh Kandasamy a/l Periasamy yang beralamat No. 193, Jalan 9/4, Taman Bunga Raya, 35000 Tapah.

## JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Chenderiang. No. P.T.—4077. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 1809. Luas—585 meter persegi.

Bertarikh 13 September 2005

[PTBP(D) 11/1956]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL

*b.p. Pentadbir Tanah*

*Batang Padang, Tapah*

**No. 1070.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang dalam simpanan oleh Nirmal a/l Nagiah yang beralamat No. 17, Taman Melor, Jalan Pahang, 35000 Tapah.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

29hb Sept. 2005]

1141

### JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Bidor. No. Lot—10297. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 680. Luas—477 meter persegi.

Bertarikh 13 September 2005

[PTBP(D) 11/1957]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL

*b.p. Pentadbir Tanah*

*Batang Padang, Tapah*

### No. 1071.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang dalam simpanan oleh Velu a/l Muthiah yang beralamat No. 21, Taman Highland, Jalan Pahang, 35000 Tapah.

### JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Batang Padang. No. Lot—6630. Jenis dan No. Hakmilik—G.M.. 927. Luas—173.7288 meter.

Bertarikh 13 September 2005

[PTBP(D) 11/1958]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL

*b.p. Pentadbir Tanah*

*Batang Padang, Tapah*

### No. 1072.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang dalam simpanan oleh Selva Kumar a/l Ramasamy yang beralamat No. 5, Taman Syed Mahazar, Jalan Sungkai, 35500 Bidor.

### JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Bidor. No. Lot—10259. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 640. Luas—456 meter persegi.

Bertarikh 13 September 2005

[PTBP(D) 11/1959]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL

*b.p. Pentadbir Tanah*

*Batang Padang, Tapah*

**No. 1073.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang dalam simpanan oleh Munia Krishnan a/l Govindarajoo yang beralamat Lot 4412, B-7 Jalan Banir, Air Kuning, 31920 Kampar.

## JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Chenderiang. No. Lot—4412. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1054. Luas— -.

Bertarikh 9 September 2005  
[PTBP(D) 11/1960]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL

*b.p. Pentadbir Tanah  
Batang Padang, Tapah*

**No. 1074.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang dalam simpanan oleh Tan Oon dan Kuah Ah Eng & Chan Kean Chai yang beralamat d/a Woo Yew Choe & Co., Penguambela & Peguamcara, 1135-C, Jalan Syed Abu Bakar, 36000 Teluk Intan.

## JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Batang Padang. No. Lot—1787 dan 6674. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3024 dan G.M. 109. Luas— -.

Bertarikh 13 September 2005  
[PTBP(D) 11/1961]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL

*b.p. Pentadbir Tanah  
Batang Padang, Tapah*

**No. 1075.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

JADUAL

Tarikh—29-08-05. Nama Pemohon—Itam Md Daham bin Yusof Ahmad. No. Hakmilik—E.M.R.: 3031 Lot : 3746 dan 3741. Mukim: Pulau Kamiri. Luas—3 ekar 2 rod 16 pol. Nama Tuan—Mariam binti Itam (Semua bhg.). No. Fail—PTSS (P/H)—28/2004.

Bertarikh 30 Ogos 2005  
[PTSS (P/H) 28/2004]

HAJI. MOHD KHUSHAIRI BIN YUNOS  
*b.p. Pentadbir Tanah, Kuala Kangsar*  
*(Sungai Siput)*

**No. 1076.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

JADUAL

Tarikh—8-09-05. Nama Pemohon—Bokari bin Yeop. No. Hakmilik—P.M.: 613 dan 742, Lot : 6583 dan 6787. Mukim: Pulau Kamiri. Luas—955.5694 meter persegi dan 3.4943 hektar. Nama Tuan—Bokari bin Yeop. No. Fail—PTSS (P/H)—23/2005.

Bertarikh 8 September 2005  
[PTSS (P/H) 23/2005]

HAJI. MOHD KHUSHAIRI BIN YUNOS  
*b.p. Pentadbir Tanah, Kuala Kangsar*  
*(Sungai Siput)*

**No. 1077.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1144

[29hb Sept. 2005]

### JADUAL

Tarikh—8-09-05. Nama Pemohon—Ngah Hapsah binti Ngah Untong. No. Hakmilik—G.M.: 620, Lot : 1533. Mukim: Kota Lama Kanan. Luas—0.1619 hektar. Nama Tuan—Ngah Hapsah binti Ngah Untong. No. Fail—PTSS (P/H)—24/2005.

Bertarikh 8 September 2005

[PTSS (P/H) 24/2005]

HAJI. MOHD KHUSHAIRI BIN YUNOS  
*b.p. Pentadbir Tanah, Kuala Kangsar*  
*(Sungai Siput)*

### No. 1078.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang dinyatakan di dalam Jadual di bawah kerana sebab-sebab berikut:

Suratan hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang oleh Ghazali bin Mohd Amin, (No. K.P.: 370616-08-5419) yang beralamat di No. 106, Rancangan Rumah Murah Awam 11, Jalan Tazali, 32000 Sitiawan, Perak.

### JADUAL

Mukim—Lumut. Jenis dan Bil. Hakmilik—G.M. 2120. Lot—201. Luas—0.5984 Hektar (1 ekar 1 rod 36.0000 pol). Nama Tuan Tanah—Ghazali bin Mohd Amin 2/3 bhg., Kamariah binti Andak 1/9 bhg., Mariam binti Andak 1/9 bhg. dan Zaharah binti Andak 1/9 bhg.

Bertarikh 9 September 2005

[PT Mjg. DD 11/1/7-2005]

MARLIA BINTI MOHD BELIA  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Daerah Manjung*

### No. 1079.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang dinyatakan di dalam Jadual di bawah kerana sebab-sebab berikut:

Suratan hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang oleh Hadijah binti Sadri, (No. K.P.: 520411-08-5758) yang beralamat di No. 480, Batu 14 Lekir, 32020 Sitiawan, Perak.

## JADUAL

Mukim—Lekir. Jenis dan Bil. Hakmilik—P.M. 459. Lot—5474. Luas—0.5875 hektar. Nama Tuan Tanah—Hadijah binti Sadri 1/1 bhg.

Bertarikh 9 September 2005  
[PT Mjg. DD 11/2/13-2005]

MARLIA BINTI MOHD BELIA  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Daerah Manjung*

**No. 1080.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang dinyatakan di dalam Jadual di bawah kerana sebab-sebab berikut:

Suratan hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang oleh Mohamad Yusof bin Itam, (No. K.P. 380912-08-5025) yang beralamat di No. 32B, Sg. Limau, Lekir, 32020 Sitiawan, Perak.

## JADUAL

Mukim—Lekir. Jenis dan Bil. Hakmilik—H.S.(M) 11/83. Lot—2188. Luas—1.2191 hektar (3 ekar 02.0000 pol). Nama Tuan Tanah—Mohamad Yusof bin Itam 1/1 bhg.

Bertarikh 9 September 2005  
[PT Mjg. DD 11/2/14-2005]

MARLIA BINTI MOHD BELIA  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Daerah Manjung*

**No. 1081.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang dinyatakan di dalam Jadual di bawah kerana sebab-sebab berikut:

Suratan hakmilik yang dikeluarkan diakui hilang oleh Asri bin Mazni, (No. K.P. 350110-08-5229) yang beralamat di Batu 45, Kg. Banjar, 32400 Ayer Tawar, Perak.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1146

[29hb Sept. 2005]

## JADUAL

Mukim—Beruas. Jenis dan Bil. Hakmilik—H.S.(M) 1946. P.T.—2079. Luas—3.278 hektar (8.10 ekar). Nama Tuan Tanah—Asri bin Mazni 1/1 bhg.

Bertarikh 9 September 2005  
[PT Mjg. DD 11/4/13-2005]

MARLIA BINTI MOHD BELIA

*b.p. Pentadbir Tanah  
Daerah Manjung*

**No. 1082.**

(Seksyen 254)

### NOTIS-NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Amir bin Abdullah (No. K.P. 7276274) beralamat di 13, Lorong Melor, Jalan Bukit Rengam, 86000 Rengam pengadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kamu telah tamat perkhidmatan pada 29 Mac 1998 dan tidak membuat bayaran balik ansuran dari 03/1998–12/2002 yang mana jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM13,728.60. Oleh itu kamu telah melanggar syarat-syarat pinjaman menurut Fasal 3(a) sebagaimana yang dinyatakan di dalam gadaian dan notis tuntutan penguamcara bertarikh 15 Februari 2001. Dan kamu telah gagal menjelaskan tunggakan tersebut dan kamu dituntut membayar kesemua baki hutang kamu berjumlah RM50,550.30 iaitu baki hutang sehingga bulan Disember 2002 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

No. H.S.(D) DGS—5556. No. P.T.—17531, Mukim—Sitiawan, Daerah—Manjung, Negeri Perak. Pajakan—99 Tahun (15-11-2092). Satu salinan hakmilik sahaja. No. Perserahan—30842/94, Jilid 5863, Folio 25.

Bertarikh 30 Disember 2002  
[PP 543/94/03]

t.t.

.....  
*Setiausaha/Timbalan Setiausaha/  
 Ketua Penolong Setiausaha  
 Bahagian Pinjaman Perumahan  
 Perbendaharaan Malaysia  
 (Pegawai yang ditetapkan oleh  
 Menteri Kewangan di bawah  
 Seksyen 5(1) Minister of Finance  
 (Incorporation) Ordinance, 1957)*

**No. 1083.**

Kepada Salleh bin Yop Bidin (No. K.P. T 1034304) beralamat di Batu 14½, Kg. Telok Bakong, 32800 Parit penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kamu telah tamat perkhidmatan pada 31 Mei 1998 dan tidak membuat bayaran balik ansuran dari 06/2001 yang mana jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM5,682.60. Oleh itu kamu telah melanggar syarat-syarat pinjaman menurut Fasal 3(a) sebagaimana yang dinyatakan di dalam gadaian. Dan kamu telah gagal menjelaskan tunggakan tersebut dan kamu dituntut membayar kesemua baki hutang kamu berjumlah RM24,384.07 iaitu baki hutang sehingga bulan Jun 2001 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

No. H.S.(D) P.T.—54/89. No. P.T.—1544, Mukim—Bota, Daerah—Perak Tengah, Negeri Perak. Pajakan—99 Tahun (9-1-2088). Satu salinan hak milik sahaja. No. Perserahan—1323/90, Jilid 3503, Folio 48.

Bertarikh 18 Jun 2001

[PP 18803/1989/03]

t.t.

.....  
*Setiausaha/Timbalan Setiausaha/  
 Ketua Penolong Setiausaha  
 Bahagian Pinjaman Perumahan  
 Perbendaharaan Malaysia  
 (Pegawai yang ditetapkan oleh  
 Menteri Kewangan di bawah  
 Seksyen 5(1) Minister of Finance  
 (Incorporation) Ordinance, 1957)*

**No. 1084.**

Kepada Basaruddin bin Abd Rashid (No. K.P. 0413449) beralamat d/a Syarikat Telekom Malaysia Berhad, 91100 Lahad Datu penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kamu telah bersara pada 18 Jun 1988 dan tidak membuat bayaran balik ansuran dari 10/2002–10/2003, 1/2004–2/2004 yang mana jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM4,067.10. Oleh itu kamu telah melanggar syarat-syarat pinjaman menurut Fasal 3(a) sebagaimana yang dinyatakan di dalam gadaian dan notis tuntutan penguamcara bertarikh 23 Ogos 2004. Dan kamu telah gagal menjelaskan tunggakan tersebut dan kamu dituntut membayar kesemua baki hutang kamu berjumlah RM20,496.56 iaitu baki hutang sehingga bulan Februari 2005 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

No. H.S.(D) L & M—503/79. No. P.T.—2518 Mukim—Kamunting, Daerah—Larut dan Matang, Negeri Perak. Pajakan—99 Tahun (2-3-2078). Satu salinan hakmilik sahaja. No. Perserahan—15513/83.

Bertarikh 7 April 2005  
[PP 1731/1983/3]

t.t.

.....  
*Setiausaha/Timbalan Setiausaha/  
 Ketua Penolong Setiausaha  
 Bahagian Pinjaman Perumahan  
 Perbendaharaan Malaysia  
 (Pegawai yang ditetapkan oleh  
 Menteri Kewangan di bawah  
 Seksyen 5(1) Minister of Finance  
 (Incorporation) Ordinance, 1957)*

**No. 1085.**

Kepada Mohd Saad bin Nafiah (No. K.P. 5380386) beralamat di No. 138, Taman Terus Maju, 32000 Sitiawan, Perak penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kamu telah tamat perkhidmatan pada 31 Mac 1997 dan tidak membuat bayaran balik ansuran dari 3/1997, 2/2002-1/2003 yang mana jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM3,178.24. Oleh itu kamu telah melanggar syarat-syarat pinjaman menurut Fasal 3(a) sebagaimana yang dinyatakan di dalam gadaian dan notis tuntutan penguamcara bertarikh 25 Oktober 2000. Dan kamu telah gagal menjelaskan tunggakan tersebut dan kamu dituntut membayar kesemua baki hutang kamu berjumlah RM30,413.89 iaitu baki hutang sehingga bulan Januari 2003 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1150

[29hb Sept. 2005]

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

No. H.S.(D) DGS—1166/84. No. P.T.—11801, Mukim—Sitiawan, Daerah—Manjung, Negeri Perak. Pajakan—99 Tahun (23-10-2083). Satu salinan hakmilik sahaja. No. Perserahan—22978, Jilid 3365, Folio 29.

Bertarikh 28 Februari 2003  
[PP 26400/1988/03]

t.t.

.....  
*Setiausaha/Timbalan Setiausaha/  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Pinjaman Perumahan  
Perbendaharaan Malaysia  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5(1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance, 1957)*

### No. 1086.

Kepada Kamaruddin bin Mohd Ariffin (No. K.P. 5616401) beralamat di 12/4, Blok A, Taman Bersatu, Kg. Boyan, 34000 Taiping penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kamu telah tamat perkhidmatan pada 19 September 1994 dan tidak membuat bayaran balik ansuran dari 8/1996-3/2005 yang mana jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM31,372.64. Oleh itu kamu telah melanggar syarat-syarat pinjaman menurut Fasal 3(a) sebagaimana yang dinyatakan di dalam gadaian dan notis tuntutan penguamcara bertarikh 7 April 2003. Dan kamu telah gagal menjelaskan tunggakan tersebut dan kamu dituntut membayar kesemua baki hutang kamu berjumlah RM71,636.64 iaitu baki hutang sehingga bulan Mac 2005 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

No. H.S.(D) L & M 1718, No. P.T.—5405, PN—69961, No. Lot—5839, Mukim—Pengkalan Aor, Daerah—Larut dan Matang, Negeri Perak. Pajakan—99 Tahun (21-05-2090). Satu salinan hakmilik sahaja. No. Perserahan—28343/93, Jilid 5198, Folio 25.

Bertarikh 14 April 2005  
[PP 5147/1993/03]

t.t.

.....  
*Setiausaha/Timbalan Setiausaha/  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Pinjaman Perumahan  
Perbendaharaan Malaysia  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5(1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance, 1957)*

**No. 1087.**

Kepada Mustafa Kamal bin Ismail (No. K.P. 620417-08-5917) beralamat di d/a No. 78, Kampong Tepus, 32800 Parit, Perak pengadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kamu telah tamat perkhidmatan pada 1 Januari 1997 dan tidak membuat bayaran balik ansuran dari 9/2002 yang mana jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM12,377.51. Oleh itu kamu telah melanggar syarat-syarat pinjaman menurut Fasal 3(a) sebagaimana yang dinyatakan di dalam gadaian. Dan kamu telah gagal menjelaskan tunggakan tersebut dan kamu dituntut membayar kesemua baki hutang kamu berjumlah RM39,878.82 iaitu baki hutang sehingga bulan September 2002 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

No. H.S.(D) KA—7007/89. No. P.T.—91925, Mukim—Hulu Kinta Daerah—Kinta, Negeri Perak. Pajakan—99 Tahun (25-06-2088). Satu salinan hakmilik sahaja. No. Perserahan—46966/91, Jilid 4187 Folio 49.

Bertarikh 9 September 2002  
[PP 23657/1991/03]

t.t.

.....  
*Setiausaha/Timbalan Setiausaha/  
 Ketua Penolong Setiausaha  
 Bahagian Pinjaman Perumahan  
 Perbendaharaan Malaysia  
 (Pegawai yang ditetapkan oleh  
 Menteri Kewangan di bawah  
 Seksyen 5(1) Minister of Finance  
 (Incorporation) Ordinance, 1957)*

**No. 1088.**

Kepada Mohd Faudzi bin Sulaiman (No. K.P. 7001569) beralamat di No. 262, Taman Samudera, 32040 Sri Manjung penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kamu telah tamat perkhidmatan pada 30 Jun 1997 dan tidak membuat bayaran balik ansuran dari 6/1997-12/2004, 1/2005-4/2005 yang mana jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM27,937.60. Oleh itu kamu telah melanggar syarat-syarat pinjaman menurut Fasal 3(a) sebagaimana yang dinyatakan di dalam gadaian dan notis tuntutan penguamcara bertarikh 22 Julai 2002. Dan kamu telah gagal menjelaskan tunggakan tersebut dan kamu dituntut membayar kesemua baki hutang kamu berjumlah RM70,941.92 iaitu baki hutang sehingga bulan April 2005 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Pajakan Negeri—82478. No. Lot—7230, Mukim—Lumut, Daerah—Manjung, Negeri Perak. Pajakan—99 Tahun (19-5-2091). Satu salinan hakmilik sahaja. No. Perserahan—38875/95, Jilid 6611, Folio 12.

Bertarikh 13 Mei 2005  
[PP 3962/1995/03]

t.t.

.....  
*Setiausaha/Timbalan Setiausaha/  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Pinjaman Perumahan  
Perbendaharaan Malaysia  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5(1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance, 1957)*

**No. 1089.**

Kepada Aliyas bin Omar (No. K.P. T 205678) beralamat di Lot 835, Kamunting Baru Tambahan, 34600 Kamunting, Taiping penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

